

**SOALAN LAZIM (FAQ)
AMANAH MEDICARE****1. Apakah pelan ini?**

Amanah Medicare adalah pelan klinikal pesakit luar berkelompok patuh Syariah yang menyediakan perlindungan untuk perbelanjaan perubatan dan rawatan pesakit luar oleh Doktor/Pakar Perubatan yang berdaftar secara sah di mana-mana Klinik atau Hospital yang berdaftar secara sah akibat penyakit biasa dan kecederaan badan, di mana Kemasukan ke Hospital tidak diperlukan. Pelan ini adalah percuma dan ditawarkan kepada individu yang layak dan terpilih yang layak di bawah kumpulan Asnaf, dari umur 1 hingga 100 tahun pada tarikh lahir akan datang.

Amanah Medicare menawarkan perlindungan untuk tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh berkuat kuasa untuk Ahli yang Dilindungi. Pemegang Sijil Induk bagi pelan ini ialah ASNB Wakalah Sdn. Bhd. ("ASNB Wakalah"), dan pelan ini akan diuruskan secara eksklusif oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN").

2. Apakah konsep Syariah yang berkenaan?

- *Ta'awun*:
Persetujuan untuk saling membantu berdasarkan prinsip kesamarataan dan kesatuan yang melibatkan kepentingan dan manfaat bersama. Takaful adalah berdasarkan konsep *Ta'awun* seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bermaksud suatu persetujuan yang berdasarkan kepada pertolongan bersama di mana Pemegang Sijil Induk bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana yang akan memberi manfaat kewangan yang akan dibayar kepada Ahli yang Dilindungi sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Berdasarkan perkara di atas, sumbangan yang akan dimasukkan dan dikumpulkan ke dalam dana bersama iaitu Dana *Tabarru'* (dana yang dimiliki secara kolektif oleh Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi) adalah *Tabarru'at* (kebajikan) secara alami.
- *Wakalah bi al-ujrah*:
Persetujuan di mana PruBSN dilantik untuk menguruskan perkhidmatan keseluruhan yang disediakan di bawah Sijil Induk. PruBSN akan mengambil sebahagian daripada sumbangan Pemegang Sijil Induk sebagai caj untuk perkhidmatan ini.

3. Apakah perlindungan atau manfaat yang disediakan?

PruBSN akan membayar balik caj untuk rawatan atau perkhidmatan konsultasi yang diberikan oleh Doktor yang berdaftar secara sah di mana-mana Klinik atau Hospital yang berdaftar secara sah akibat penyakit biasa dan/atau kecederaan badan, di mana Kemasukan ke Hospital tidak diperlukan. Manfaat ini tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan sebanyak RM 300 bagi setiap Ahli yang Dilindungi. Tiada manfaat akan dibayar sekiranya Ahli yang Dilindungi menerima rawatan yang memerlukan Kemasukan ke Hospital. Manfaat ini hanya terpakai di Malaysia sahaja.

Sekiranya Had Tahunan Keseluruhan untuk Ahli yang Dilindungi telah dibayar sepenuhnya, perlindungan di bawah pelan ini akan ditamatkan.

Pelan ini menawarkan perlindungan untuk tempoh dua belas (12) bulan.

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Sumbangan untuk pelan ini ialah RM 350* bagi setiap Ahli yang Dilindungi (sebelum Cukai Perkhidmatan) yang ditaja oleh Pemegang Sijil Induk dan PruBSN.

*Termasuk Caj Pentadbiran Pihak Ketiga.

5. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah pelan ini?

Tiada manfaat yang akan dibayar sekiranya tuntutan daripada Ahli yang Dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana tuntutan berikut:

- terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan; atau
- pembedahan plastik/kosmetik elektif (kecuali pembedahan rekonstruktif untuk mengembalikan fungsi), hiperhidrosis, berkhatan, pemeriksaan mata untuk rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme, alat bantuan visual dan pembiasan atau pembedahan pembetulan rabun dekat (Keratotomy radial) dan penggunaan atau perolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti tidak terhad kepada anggota tiruan, alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak luaran atau sementara, dan preskripsi yang berkaitan; atau

- (c) penyalahgunaan dadah, gangguan akibat ketagihan daripada sebarang jenis penggunaan atau penyalahgunaan bahan atau alkohol, di bawah pengaruh alkohol, penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, serta sebarang penyakit boleh berjangkit yang memerlukan kuarentin di sisi undang-undang; atau
- (d) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan waras atau tidak waras; atau
- (e) sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari atau lumba jalan kaki), sukan berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada, terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan lasak musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
- (f) perang atau sebarang tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, tindakan musuh asing, tugas aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata atau sebarang operasi seperti perang; atau
- (g) sebarang percubaan atau perbuatan jenayah sebenar, perbuatan menyalahi undang-undang, atau penglibatan dalam aktiviti keganasan; atau
- (h) penyertaan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan, revolusi; atau
- (i) radiasi ion dan pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear akibat proses ledakan nuklear atau akibat daripada apa-apa bahan senjata nuklear; atau
- (j) perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana bahagian badan atau organ oleh Ahli yang Dilindungi dan kos perolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya; atau
- (k) penjagaan atau rawatan yang tidak memerlukan bayaran atau kos tersebut akan dibayar oleh mana-mana takaful, insurans atau indemniti lain yang melindungi Orang yang Dilindungi dan Kehilangan Upaya yang timbul daripada tanggungjawab pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful Pampasan Pekerja; atau
- (l) penerbangan persendirian selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang telah ditetapkan; atau
- (m) perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina atau transformasi jantina; atau
- (n) kegagalan Ahli yang Dilindungi untuk mendapatkan atau mengikuti nasihat perubatan yang munasabah; atau
- (o) lebih daripada satu (1) perkhidmatan perundingan atau rawatan pesakit luar setiap hari di mana-mana Klinik atau Hospital yang berdaftar secara sah; atau
- (p) kos ubat yang dipreskripsi tanpa konsultasi; atau
- (q) terapi fizikal Pesakit Luar atau fisioterapi; atau
- (r) sebarang Pembedahan Harian kecuali pembedahan yang diberikan adalah Perlu Dari Segi Perubatan, disyorkan dan diluluskan oleh Doktor dengan rawatan Diagnosis untuk Hilang Upaya di mana Pembedahan Harian diperlukan.

6. Bagaimanakah cara untuk saya membuat tuntutan?

Sekiranya rawatan diterima melalui klinik bukan panel atau tiada kemudahan tanpa tunai, terdapat dua (2) saluran untuk Ahli yang Dilindungi mengemukakan tuntutan mereka:

a. Penyerahan Manual:

Ahli yang Dilindungi perlu menyediakan dokumen-dokumen di bawah dan diserahkan ke cawangan Prudential/PruBSN yang berhampiran atau melalui e-mel customer.microtakaful@prubsn.com.my:

- ✓ Salinan Asal Resit Rawatan
- ✓ Bil & Caj Rawatan Terperinci
- ✓ Borang Tuntutan Peribadi (boleh dimuat turun di laman web PruBSN)
- ✓ Salinan Maklumat Bank Penuntut

b. Penyerahan Dalam Talian:

- I. Muat Turun aplikasi PMCare.
- II. Klik pada ikon "ePersonal Claim".
- III. Isikan butiran tuntutan dan lampirkan dokumen yang diperlukan.
- IV. Klik "Proceed"

7. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat tambahan mengenai pelan ini, sila hubungi PruBSN di:

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

Tel: 03 2775 7188

E-mail: customer.microtakaful@prubsn.com.my

Ahli yang Dilindungi juga boleh layari laman web PruBSN di www.prubsn.com.my.